


**ANALISIS KEHIDUPAN PENGHUNI WARGA EMAS DI RUMAH SERI  
KENANGAN, KEMUMIN, PENGKALAN CHEPA, KELANTAN**



**Institut Penyelidikan & Pengkomersilan**

**Universiti Teknologi MARA**

**40450 Shah Alam**

**Disediakan Oleh**

**PM Zulkarnain Yusoff**

**Wan Fauzi Wan Mamat**

**Tuan Mohd Rosli Tuan Hassan**

**NIK ABDULLAH ZAWAWI CHE MAT**

**UiTM KELANTAN**

**APRIL 2008**

PERPUSTAKAAN TENGKU ANIS  
UiTM Kelantan  
Bukit Ilmu, 18500 Machang,  
KELANTAN DARUL NAIM.

**ANALISIS KEHIDUPAN WARGA EMAS DI RUMAH SERI  
KENANGAN, KEMUMIN PENGKALAN CHEPA, KELANTAN**

**INSTITUT PENYELIDIKA& PENGKOMERSILAN**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**40450 SHAH ALAM**

**DISEDIAKAN OLEH**

**PM. ZULKARNAIN YUSOFF**

**WAN FAUZI WAN MAMAT**

**TUAN MOHD ROSLI TUAN HASSAN**

**NIK ABDULLAH ZAWAWI CHE MAT**

**UiTM KELANTAN**

**APRIL 2008**

Tarikh :  
No. Fail Projek :

Prof Dr. Azni Zain Ahmed  
Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)  
Institut Penyelidikan Pembangunan dan Pengkomersilan (IRDC)  
Universiti Teknologi MARA  
Shah Alam  
SELANGOR DARUL EHSAN

YBhg. Prof

**LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN “ANALISIS KEHIDUPAN WARGA EMAS DI RUMAH SERI KENANGAN, KEMUMIN, PENGKALAN CHEPA, KELANTAN.”**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Bersama sama ini disertakan (3) naskah laporan akhir penyelidikan bertajuk “Analisis Kehidupan Warga Emas Di Rumah Seri Kenangan, Kemumin, Pengkalan Chepa, Kelantan” oleh kumpulan penyelidik dari UiTM Kelantan untuk makluman YBhg. Prof

Sekian.

Terima kasih

Yang Benar

PM ZULKARNAIN YUSOFF

## PENGHARGAAN

Bersyukur kehadrat Allah s.w.t ke atas rahmat yang diberikan kerana memberikan kami kesempatan masa menyiapkan penyelidikan ini. Kami juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli kumpulan kerana telah memberi semangat dan komitmen untuk menyiapkan penyelidikan ini. Kami juga ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada kawan-kawan yang secara langsung atau tidak langsung memberikan buah fikiran dan bantuan. Tidak lupa juga terima kasih kepada pembantu penyelidik, NurulHaida Zakaria dan Wan Noor Asmuni Wan Fauzi yang telah membantu kami dalam menyiapkan penyelidikan ini.

Kami ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada:

Dato' Profesor Dr.Hussin @ Mohamad Ab.Rahman  
(Pengarah Kampus UiTMKK)

Dr.Nik Kamaruzaman Hj Abdulatif  
(Koordinator URDC UiTMKK)

**ANALISIS KEHIDUPAN WARGA EMAS DI RUMAH SERI KENANGAN, KEMUMIN,  
PENGKALAN CHEPA, KELANTAN**

**Wan Fauzi Wan Mamat  
Zulkarnain Yusoff  
Tuan Mohd Rosli Tuan Hassan**

**Abstrak**

Tujuan utama penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mengetahui dengan lebih terperinci mengenai kehidupan warga emas di Rumah Sri Kenangan, Kemumin, Pengkalan Chepa, Kelantan. Dalam kata lainnya, penyelidikan ini bertujuan untuk mengetahui cara kehidupan sehari-hari, persepsi dan emosi penghuni di Rumah Sri Kenangan. Selain itu, sistem pengurusan makanan dan kemudahan yang disediakan juga turut dikaji kerana faktor ini mempengaruhi keselesaan setiap warga emas yang menghuni di Rumah Sri Kenangan. Oleh itu, kajian ini adalah penting untuk mengetahui tahap kepuasan hati penghuni-penghuni terhadap kehidupan mereka dan sistem pengurusan di Rumah Sri Kenangan, Kemumin, Pengkalan Chepa, Kelantan yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Seramai 80 orang penghuni yang menghuni di Rumah Sri Kenangan telah dipilih mewakili 40 orang lelaki dan 40 orang wanita. Data terkumpul ini berdasarkan data primer dan sekunder. Selain itu, kami menggunakan 'convenience sampling' sebagai teknik pensampelan. Kaedah data terkumpul yang digunakan dalam kajian ini ialah pemerhatian dan borang kaji selidik. Secara amnya responden warga emas di hantar ke Rumah Sri Kenangan bukan atas paksaan atau dorongan daripada anak-anak mereka sendiri atau dari pihak-pihak tertentu malah di atas kehendak diri mereka sendiri. Majoriti responden warga emas menganggap kehidupan sebagai penghuni di rumah Sri Kenangan lebih tenang dan aman berbanding kehidupan di luar bersama anak-anak. Dalam erti kata lain, mereka lebih selesa tinggal bersendirian tanpa gangguan orang lain khususnya cucu-cucu mereka sendiri. Tidak ketinggalan juga di sini kami dapat nyatakan sistem pengurusan dan kemudahan di rumah Sri Kenangan memuaskan hati semua warga-warga emas.